



KEMENTERIAN KEWANGAN
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3894
Laman sesawang: www.mof.gov.my

MOF.PAM.600-1/3/33 Jld.29(16)

5 Disember 2025

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato' Indera/Dato' Wira/Dato'/Tuan/Puan,

PENAMBAHBAIKAN PEKELILING PERBENDAHARAAN, TATACARA PENGURUSAN ASET DAN STOR KERAJAAN (AM1 – AM7)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pengurusan aset dan stor Kerajaan serta mengambilkira keperluan perubahan semasa, Kementerian Kewangan (MoF) telah membuat pelarasan dan penambahbaikan terhadap Pekeliling Perbendaharaan (PP), Tatacara Pengurusan Aset dan Stor Kerajaan semasa yang sedang berkuatkuasa seperti **Jadual 1** berikut:

Jadual 1

Bil.	Perkara	Lampiran
i.	Pelarasan Dan Penambahbaikan Pekeliling Perbendaharaan: Tatacara Pengurusan Aset Dan Stor Kerajaan (AM1 – AM7)	Lampiran 1
ii.	Penambahbaikan borang-borang dalam AM2 – AM7: i. Penambahbaikan borang pelupusan; ii. Pemakaian borang bagi pindaan kaedah pelupusan; dan iii. Pemakaian borang keputusan kaedah pelupusan secara tender/ sebut harga yang sedang berkuat kuasa.	Lampiran 2

3. Penambahbaikan peraturan yang dinyatakan adalah berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Surat edaran ini boleh dilayari di Portal Pekeliling Perbendaharaan, Kementerian Kewangan di ruangan utama, 'Makluman Terkini' di bawah topik Surat Edaran Pengurusan Aset.

4. Sehubungan itu, sukacita dimohon kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato' Indera/Dato' Wira/Dato'/Tuan/Puan untuk mengedarkan penambahbaikan PP ini kepada agensi di bawah seliaan, untuk makluman dan tindakan yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ALAN BIN ABDUL RAHIM)

Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Awam

b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Kementerian Kewangan

☎: 03-8882 3666

☎: 03-8882 3869

✉ : alan@treasury.gov.my

s.k.:

KSP

TKSP(I)

SENARAI EDARAN:

1. **YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
2. **YBhg. Tan Sri Mohd Dusuki bin Mokhtar**
Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
Aras 16, No. 45, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
3. **YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi**
Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara
Aras 9, Blok F2, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA
4. **YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
Tingkat 5, Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR
5. **YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62204 PUTRAJAYA
6. **YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA

7. **YBhg. Datuk Seri Isham Bin Ishak**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Aras 15, Menara 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA
8. **YBhg. Dato' Sri Suriani Binti Dato' Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
9. **YBhg. Dato' Yusran Shah bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perlindungan dan Komoditi
Aras 10, No. 15, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA
10. **YBhg. Datuk Azman Bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Aras 9, Blok D3, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 PUTRAJAYA
11. **YBhg. Dato' Sri Amran Bin Mohamed Zin**
Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Aras 3, Wisma Putra
No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62602 PUTRAJAYA
12. **YBhg. Datuk Dr. Hajah Maziah Binti Che Yusoff**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 36, No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
13. **YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron**
Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Aras 8, Menara PRISMA
Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

14. **YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 18, No. 51
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
15. **YBhg. Datuk Dr. Awang Alik bin Jeman**
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok D1, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA
16. **YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood**
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 8
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
17. **YBhg. Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA
18. **YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Blok E4/5, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 PUTRAJAYA
19. **YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran A/L Muniayan**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
Aras 9, No.26
Jalan Tun Hussein, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

20. **YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Aras 11 (Menara)
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA
21. **YBhg. Datuk Abdul Halim bin Hamzah**
Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
22. **YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran A/L Kangayatkarasu**
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA
23. **YBhg. Dato' Sri Hj. Mad Zaidi bin Mohd Karli**
Ketua Setiausaha
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
Aras 15, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 PUTRAJAYA
24. **YBhg. Dato' Hairil Yahri bin Yaacob**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Tingkat 28, Menara MITI
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR
25. **YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo A/L Kim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Blok F11, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA

26. **YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
27. **YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Tingkat 5, Blok A
Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 KUALA LUMPUR
28. **YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 17, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA
29. **YBhg. Dato' Zainani binti Jusoh**
Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 8, Bahagian Pengurusan Tertinggi
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 PUTRAJAYA
30. **YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 10, Blok F9, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA
31. **YBrs. Tuan Fabian Bigar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Digital
Aras 14, Menara Usahawan
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62652 PUTRAJAYA

PENAMBAHBAIKAN PEKELILING PERBENDAHARAAN, TATACARA PENGURUSAN ASET DAN STOR KERAJAAN (AM1 – AM7)

- PELARASAN DAN PENAMBAHBAIKAN PEKELILING PERBENDAHARAAN: TATACARA PENGURUSAN ASET DAN STOR KERAJAAN

AM1.1 PENGURUSAN ASET KERAJAAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
1	Pekeliling ini adalah untuk menjelaskan peraturan berkaitan Pengurusan Aset Alih, Aset Hidup, Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan Persekutuan.	Pekeliling ini adalah untuk menjelaskan peraturan berkaitan Pengurusan Aset Alih, Aset Biologi (Ikan, Haiwan dan Tumbuhan) , Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan Persekutuan.
2.3.1(a)	Contoh tanah ialah tanah yang diwartakan dan diselia untuk dibangunkan oleh sesuatu agensi. Contoh infrastruktur ialah jalan raya, jambatan, terowong, lapangan terbang, jeti, pengairan, saliran, sistem agihan air, loji kumbahan, pembentungan, sistem komunikasi dan sebagainya. Contoh bangunan ialah Pejabat, Perumahan Pegawai, terminal lapangan terbang, hospital, sekolah, kem tentera dan lain-lain lagi. Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih adalah tertakluk kepada Pekeliling yang berkaitan.	Contoh tanah ialah tanah yang di wartakan dan diselia untuk dibangunkan oleh sesuatu agensi. Contoh infrastruktur ialah jalan raya, jambatan, terowong, lapangan terbang, jeti, pengairan, saliran, loji kumbahan, pembentungan dan sebagainya. Contoh bangunan ialah Pejabat, Perumahan Pegawai, terminal lapangan terbang, hospital, sekolah, kem tentera dan lain-lain lagi. Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih adalah tertakluk kepada Pekeliling yang berkaitan.
2.3.1(c)	Aset Hidup	Aset Biologi
2.3.1(d)	(f) Stok Stok bermaksud barang-barang belum guna dan perlu disimpan atau untuk digunakan terus bagi tujuan operasi atau penyelenggaraan contoh stok ialah kertas, pen, pensil dan sebagainya.	Dikeluarkan. (Dimasukkan dalam perenggan 2.3.3)
2.3.3	-Tiada-	Pengurusan Stor Kerajaan (a) Pengurusan stor kerajaan merujuk kepada prosedur yang digunakan untuk menguruskan stok dalam stor kerajaan. Stor bermaksud tempat bagi melaksanakan penerimaan, merekod, penyimpanan, penyelenggaraan, pengendalian dan pengeluaran stok. (b) Stok bermaksud barang-barang belum guna dan perlu disimpan atau untuk digunakan

		terus bagi tujuan operasi atau penyelenggaraan contoh stok ialah kertas, pen, pensil dan sebagainya.
3.1	Menubuhkan sama ada Bahagian atau Seksyen atau Unit Pengurusan Aset (UPA) mana-mana yang sesuai bagi menguruskan Aset Alih, Aset Hidup, Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan Persekutuan di peringkat Kementerian/ Jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ);	Menubuhkan sama ada Bahagian atau Seksyen atau Unit Pengurusan Aset (UPA) atau mana-mana yang sesuai bagi menguruskan Aset Alih, Aset Biologi , Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan Persekutuan di peringkat Kementerian/ Jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ);
4.12	Menyedia dan mengemukakan Laporan Suku Tahun Pengurusan Aset Alih, Aset Hidup, Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan kepada Urus Setia Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JKPAK. Format Laporan JKPAK tersebut adalah seperti di Lampiran A; dan	Menyedia dan mengemukakan Laporan Suku Tahun Pengurusan Aset Alih, Aset Biologi , Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan kepada Urus Setia Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JKPAK. Format Laporan JKPAK tersebut adalah seperti di Lampiran A; dan
4.13	Menyedia dan mengemukakan Laporan Tahunan Pengurusan Aset Alih, Aset Hidup, Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan kepada UPA Kementerian melalui Ibu Pejabat sebelum 15 Februari tahun berikutnya. Laporan tahunan tersebut adalah seperti di Lampiran B.	Menyedia dan mengemukakan Laporan Tahunan Pengurusan Aset Alih, Aset Biologi , Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan kepada UPA Kementerian melalui Ibu Pejabat sebelum 15 Februari tahun berikutnya. Laporan tahunan tersebut adalah seperti di Lampiran B.
5.1	Kementerian/ Jabatan/ Cawangan bertaraf PTJ yang belum menubuhkan Bahagian/ Seksyen/ Unit yang sesuai bagi menguruskan Aset Alih, Aset Hidup, Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan hendaklah mengambil tindakan untuk menubuhkannya. Bilangan dan gred perjawatan yang perlu diwujudkan adalah tertakluk kepada beban tugas, nilai serta bilangan aset yang terdapat di sesebuah Kementerian/ Jabatan/ PTJ.	Kementerian/ Jabatan/ Cawangan bertaraf PTJ yang belum menubuhkan Bahagian/ Seksyen/ Unit yang sesuai bagi menguruskan Aset Alih, Aset Biologi , Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan hendaklah mengambil tindakan untuk menubuhkannya. Bilangan dan gred perjawatan yang perlu diwujudkan adalah tertakluk kepada beban tugas, nilai serta bilangan aset yang terdapat di sesebuah Kementerian/ Jabatan/ PTJ.
6.1	Bahagian/ Seksyen/ Unit Pengurusan Aset adalah bertanggungjawab untuk menguruskan semua Aset Alih, Aset Hidup, Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan di Kementerian/ Jabatan/ PTJ di bawah kawalannya meliputi:-	Bahagian/ Seksyen/ Unit Pengurusan Aset adalah bertanggungjawab untuk menguruskan semua Aset Alih, Aset Biologi , Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan di Kementerian/ Jabatan/ PTJ di bawah kawalannya meliputi:-

6.1.3	Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan;	Penggunaan, Penjagaan/ Pengendalian, Penyimpanan, Pengeluaran dan Pemeriksaan/ Verifikasi ;
6.1.8	-Tiada-	Keselamatan dan Kebersihan.
6.5	Mendapatkan Laporan Tahunan Pengurusan Aset Alih, Aset Hidup, Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan daripada Kementerian/ Jabatan/ PTJ; dan	Mendapatkan Laporan Tahunan Pengurusan Aset Alih, Aset Biologi , Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan daripada Kementerian/ Jabatan/ PTJ; dan
7	Pelantikan Pegawai Aset	Pelantikan Pegawai Aset Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pegawai Aset yang boleh dilantik adalah pegawai awam yang berkhidmat secara tetap dan kontrak (<i>Contract of Service</i> sahaja).
8.1(i)	Ahli (a) Semua Ketua Bahagian/ Seksyen/ Unit atau wakil; (b) Ketua/ Pegawai Unit Audit Dalam atau wakil; dan (c) Pegawai-pegawai lain yang sesuai	Ahli (a) Semua Ketua Bahagian/ Seksyen/ Unit atau wakil; (b) Ketua/ Pegawai Unit Audit Dalam atau wakil; (c) Ketua Akauntan atau Akauntan atau Pegawai Perakaunan; dan (d) Pegawai-pegawai lain yang sesuai.
8.1(ii)	Ahli (a) Semua Ketua Bahagian/ Cawangan/ Seksyen/ Unit atau wakil; (b) Ketua/ Pegawai Unit Audit Dalam atau wakil jika ada; dan (c) Pegawai-pegawai lain yang sesuai	Ahli (a) Semua Ketua Bahagian/ Seksyen/ Unit atau wakil; (b) Ketua/ Pegawai Unit Audit Dalam atau wakil jika ada; (c) Ketua Akauntan atau Akauntan atau Pegawai Perakaunan; dan (d) Pegawai-pegawai lain yang sesuai.
8.1(iii)	Ahli (a) Semua Ketua Bahagian/ Cawangan/ Seksyen/ Unit atau wakil; (b) Ketua/ Pegawai Unit Audit Dalam atau wakil jika ada; dan (c) Pegawai-pegawai lain yang sesuai.	Ahli (a) Semua Ketua Bahagian/ Seksyen/ Unit atau wakil; (b) Ketua/ Pegawai Unit Audit Dalam atau wakil jika ada; (c) Ketua Akauntan atau Akauntan atau Pegawai Perakaunan; dan (d) Pegawai-pegawai lain yang sesuai.

	Kod Aset dan Stok hendaklah dirujuk kepada Pusat Rujukan Maklumat yang dibangunkan oleh Kementerian Kewangan.	Kod Aset dan Stok bagi tujuan pendaftaran hendaklah dirujuk kepada Pusat Rujukan Maklumat yang dibangunkan oleh Kementerian Kewangan.
	Istilah yang digunakan dalam Tatacara ini hanyalah bagi maksud Pengurusan Aset Alih, Aset Hidup, Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan sahaja seperti tafsiran Glosari di Lampiran C.	Istilah yang digunakan dalam Tatacara ini hanyalah bagi maksud Pengurusan Aset Alih, Aset Biologi , Aset Tak Ketara dan Stor Kerajaan sahaja seperti Glosari di Lampiran C.
	Format Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)	Pindaan Format Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)
	Format Laporan Eksekutif Pengurusan Aset Kerajaan	Pindaan Format Laporan Eksekutif Pengurusan Aset Kerajaan
AM2.3 PENDAFTARAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
10	Senarai Aset Alih KEW.PA-7 (Lampiran E)	Pindaan pada borang KEW.PA-7 (Lampiran E)
13	Laporan Kedudukan Semasa KEW.PA-8 (Lampiran F)	Pindaan pada borang KEW.PA-8 (Lampiran F)
AM2.4 PENGGUNAAN, PENYIMPANAN DAN PEMERIKSAAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
3	Borang Permohonan Pinjaman Dan Pergerakan Aset Alih KEW.PA-9 (Lampiran A)	Pindaan pada borang KEW.PA-9 (Lampiran A)
7	Borang Pemeriksaan Aset Alih KEW.PA-11 (Lampiran C)	Pindaan pada borang KEW.PA-11 (Lampiran C)
9	Laporan Pemeriksaan Aset Alih KEW.PA-12 (Lampiran D)	Pindaan pada borang KEW.PA-12 (Lampiran D)
AM2.7 PELUPUSAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
4	Perakuan Pelupusan (PEP) KEW.PA-19 (Lampiran A) hendaklah disediakan untuk semua kaedah pelupusan.	Perakuan Pelupusan (PEP) KEW.PA-19 (Lampiran A) hendaklah disediakan untuk semua kaedah pelupusan kecuali hadiah dan serahan.
4.1.3	Aset Mekanikal, Teknikal, Elektrik dan Elektronik nilai perolehan asalnya kurang daripada RM5,000.00 dan perkakasan komputer yang nilai perolehan asalnya kurang daripada RM1,000.00 tidak memerlukan PEP. Aset Alih tersebut hendaklah diperakukan oleh Lembaga Pemeriksa atau telah mencapai usia	Aset Mekanikal, Teknikal, Elektrik dan Elektronik nilai perolehan asalnya kurang daripada RM5,000.00 dan perkakasan komputer yang nilai perolehan asalnya kurang daripada RM1,000.00 tidak memerlukan PEP. Aset Alih tersebut hendaklah diperakukan oleh Lembaga Pemeriksa atau telah mencapai usia mengikut garis panduan semasa

	guna berdasarkan Garis Panduan Susut Nilai yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).	yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
5.4.6	Menandatangani KEW.PA-19 dan mengemukakan kepada Jabatan.	Menandatangani KEW.PA-21 dan mengemukakan kepada Jabatan.
7.3	Menyediakan KEW.PA-19 yang mengandungi maklumat seperti berikut:	Menyediakan KEW.PA-21 yang mengandungi maklumat seperti berikut:
7.4	Mengemukakan KEW.PA-19 kepada Urus Setia Pelupusan selepas LPP membuat pemeriksaan, melengkapkan dan menandatangani KEW.PA-19;	Mengemukakan KEW.PA-21 kepada Urus Setia Pelupusan selepas LPP membuat pemeriksaan, melengkapkan dan menandatangani KEW.PA-21 ;
7.3.6	Nilai semasa berdasarkan maklumat di PEP atau tertakluk kepada Garis Panduan Susut Nilai Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).	Nilai semasa berdasarkan maklumat di PEP atau tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
11.3	Jualan Sisa	Jualan Sisa 11.3.1 Jualan Terus 11.3.2 Sebut Harga 11.3.3 Tender
12.1.4	Tempoh sah laku tender tempatan adalah sembilan puluh (90) hari dan tender antarabangsa adalah satu ratus dua puluh (120) hari bermula daripada tarikh tender ditutup. Sekiranya pelanjutan tempoh sah laku tawaran tender diperlukan, pelanjutan hendaklah dibuat sebelum tarikh tempoh sah laku tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi atau Kuasa Melulus Pelupusan.	Tempoh sah laku tender tempatan adalah sembilan puluh (90) hari dan tender antarabangsa adalah satu ratus dua puluh (120) hari bermula daripada tarikh tender ditutup. Sekiranya pelanjutan tempoh sah laku tawaran tender diperlukan, pelanjutan hendaklah dibuat sebelum tarikh tempoh sah laku tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi.
12.2.4	Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Jika tempoh pelanjutan sah laku tawaran diperlukan, permohonan pelanjutan hendaklah dikemukakan sebelum tarikh tempoh sah laku tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan agensi berkenaan/ Kuasa Melulus Pelupusan.	Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Sebut harga hendaklah dipelawa semula jika: a) tempoh sah laku tawaran telah tamat atau keputusan tidak dibuat dalam tempoh sah laku tawaran; atau b) Surat Setuju Terima tidak dikeluarkan dalam tempoh tersebut.
12.3.3	-Tiada-	(m)Pembida yang berjaya hendaklah membuat bayaran penuh dalam tempoh tujuh

		(7) hari bekerja dari tarikh lelongan. Manakala, bagi pembida yang tidak berjaya, deposit akan dikembalikan setelah keputusan lelong diperolehi. (n) Deposit lelongan tidak akan dikembalikan kepada pembida berjaya yang enggan mengambil Aset Alih dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh lelongan atau pembida yang menarik diri sebelum proses lelongan dilaksanakan. (o) Dalam keadaan di mana pembida berjaya menolak tawaran berkenaan, Ketua Jabatan boleh menimbang tawaran-tawaran lain atau memutuskan lelongan dibuat semula.
AM3.1 PENDAFTARAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
1	Tatacara Pengurusan Aset Hidup Ikan ini adalah tatacara bagi menguruskan Ikan Kerajaan yang meliputi Penerimaan, Pendaftaran, Penggunaan dan Penjagaan, Pemeriksaan, Pindahan, Pelupusan, Kehilangan dan Hapus Kira.	Tatacara Pengurusan Aset Ikan ini adalah tatacara bagi menguruskan Ikan Kerajaan yang meliputi Penerimaan, Pendaftaran, Penggunaan dan Penjagaan, Pemeriksaan, Pindahan, Pelupusan, Kehilangan dan Hapus Kira.
5	Istilah dan perkataan yang diguna pakai dalam Tatacara Pengurusan Aset Hidup Ikan Kerajaan (TPI) hanyalah bagi maksud pengurusan Aset Ikan Kerajaan sahaja.	Istilah dan perkataan yang diguna pakai dalam Tatacara Pengurusan Aset Ikan Kerajaan (TPI) hanyalah bagi maksud pengurusan Aset Ikan Kerajaan sahaja.
6	Akta Berkaitan Aset Hidup Ikan	Akta Berkaitan Aset Ikan
AM3.2 PENERIMAAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
3.3.5	Borang Penolakan Ikan KEW.AI-2 (Lampiran B)	Pindaan pada borang KEW.AI-2 (Lampiran B)
AM3.7 PELUPUSAN INDUK IKAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
5	Perakuan Pelupusan Induk Ikan (PPI) KEW.AI-16 (Lampiran A)	Pindaan pada borang KEW.AI-16 (Lampiran A)
13.1.4	Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi 90 hari dari tarikh tutup sebut harga.	Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi 90 hari dari

	Jika tempoh pelanjutan sah laku tawaran diperlukan, permohonan pelanjutan hendaklah dikemukakan sebelum tarikh tempoh sah laku tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan agensi berkenaan/ Kuasa Melulus Pelupusan.	tarikh tutup sebut harga. Sebut harga hendaklah dipelawa semula jika: c) tempoh sah laku tawaran telah tamat atau keputusan tidak dibuat dalam tempoh sah laku tawaran; atau d) Surat Setuju Terima tidak dikeluarkan dalam tempoh tersebut.
13.1.8(a)	Merekodkan pada KEW.AI-24 dengan mencatatkan kod penyebut harga dan harga yang ditawarkan; dan	Merekodkan pada KEW.AI-23 dengan mencatatkan kod penyebut harga dan harga yang ditawarkan; dan
17.1	Kaedah-kaedah lain pelupusan yang tidak dinyatakan di para 12 hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal tanpa mengambil kira nilai perolehan asal.	Kaedah-kaedah lain pelupusan yang tidak dinyatakan di perenggan 12 hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal tanpa mengambil kira nilai perolehan asal.
19	Laporan Pelupusan Ikan KEW.AI-26 (Lampiran K)	Pindaan pada borang KEW.AI-26 (Lampiran K)
AM3.8 KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA IKAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
4.2	Laporan Awal Kehilangan Ikan KEW.AI-27 (Lampiran A)	Pindaan pada borang KEW.AI-27 (Lampiran A)
4.3.2(c)	Mempunyai pengetahuan atau berkemahiran dalam pengurusan aset hidup atau pengurusan aset, jika perlu.	Mempunyai pengetahuan atau berkemahiran dalam pengurusan aset ikan atau pengurusan aset, jika perlu.
4.3.5(b)	Mengenal pasti sama ada Arahan Perbendaharaan dan peraturan-peraturan berkaitan Tatacara Pengurusan Aset Hidup Ikan, Arahan Keselamatan Kerajaan dan peraturan dalaman (jika ada) dipatuhi;	Mengenal pasti sama ada Arahan Perbendaharaan dan peraturan-peraturan berkaitan Tatacara Pengurusan Aset Ikan , Arahan Keselamatan Kerajaan dan peraturan dalaman (jika ada) dipatuhi;
4.3.5(c)	Mendapatkan keterangan sama ada kehilangan berkenaan berpunca daripada kecuaiian pegawai, kegagalan mematuhi peraturan yang disengajakan, kegagalan penyeliaan atau tidak mempunyai pengetahuan dalam pengurusan aset hidup;	Mendapatkan keterangan sama ada kehilangan berkenaan berpunca daripada kecuaiian pegawai, kegagalan mematuhi peraturan yang disengajakan, kegagalan penyeliaan atau tidak mempunyai pengetahuan dalam pengurusan aset ikan ;
4.4	Laporan Akhir Kehilangan Ikan KEW.AI-29 (Lampiran C)	Pindaan pada borang KEW.AI-29 (Lampiran C)

Jadual 2	PROSES KERJA 5 KEW.AI-27, Laporan Polis (jika ada) Tatacara Pengurusan Aset Hidup/ Arahan Keselamatan Kerajaan	PROSES KERJA 5 KEW.AI-27, Laporan Polis (jika ada) Tatacara Pengurusan Aset Ikan/ Arahan Keselamatan Kerajaan
AM4.1 PENDAFTARAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
1	Tatacara Pengurusan Aset Hidup Haiwan ini adalah tatacara bagi menguruskan Haiwan Kerajaan yang meliputi Penerimaan, Pendaftaran, Penggunaan dan Penjagaan, Pemeriksaan, Pindahan, Pelupusan, Kehilangan dan Hapus Kira.	Tatacara Pengurusan Aset Haiwan ini adalah tatacara bagi menguruskan Haiwan Kerajaan yang meliputi Penerimaan, Pendaftaran, Penggunaan dan Penjagaan, Pemeriksaan, Pindahan, Pelupusan, Kehilangan dan Hapus Kira.
6	Istilah dan perkataan yang diguna pakai dalam Tatacara Pengurusan Aset Hidup Haiwan Kerajaan (TPH) hanyalah bagi maksud pengurusan aset Haiwan Kerajaan sahaja.	Istilah dan perkataan yang diguna pakai dalam Tatacara Pengurusan Aset Haiwan Kerajaan (TPH) hanyalah bagi maksud pengurusan aset Haiwan Kerajaan sahaja.
7	Akta dan Peraturan Aset Hidup Haiwan Akta dan peraturan berkaitan Aset Hidup Haiwan yang sedang berkuatkuasa adalah seperti berikut:	Akta dan Peraturan Aset Haiwan Akta dan peraturan berkaitan Aset Haiwan yang sedang berkuatkuasa adalah seperti berikut:
AM4.2 PENERIMAAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
3.3.4	Borang Penolakan Haiwan KEW.AH-2 (Lampiran B)	Pindaan pada borang KEW.AH-2 (Lampiran B)
AM4.7 PELUPUSAN HAIWAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
13.1.4	Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Jika tempoh pelanjutan sah laku tawaran diperlukan, permohonan pelanjutan hendaklah dikemukakan sebelum tarikh tempoh sah laku tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan agensi berkenaan/ Kuasa Melulus Pelupusan.	Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Sebut harga hendaklah dipelawa semula jika: a) tempoh sah laku tawaran telah tamat atau keputusan tidak dibuat dalam tempoh sah laku tawaran; atau b) Surat Setuju Terima tidak dikeluarkan dalam tempoh tersebut.
17.1	Kaedah-kaedah lain pelupusan yang tidak dinyatakan di para 12 hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal tanpa mengambil kira nilai perolehan asal.	Kaedah-kaedah lain pelupusan yang tidak dinyatakan di perenggan 12 hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal tanpa mengambil kira nilai perolehan asal.
19	Laporan Pelupusan Haiwan KEW.AH-26 (Lampiran K)	Pindaan pada borang KEW.AH-26 (Lampiran K)

AM4.8 KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA HAIWAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
4.2	Laporan Awal Kehilangan Haiwan KEW.AH-27 (Lampiran A)	Pindaan pada borang KEW.AH-27 (Lampiran A)
4.3.2(c)	Mempunyai pengetahuan atau berkemahiran dalam pengurusan aset hidup atau pengurusan aset, jika perlu.	Mempunyai pengetahuan atau berkemahiran dalam pengurusan aset biologi atau pengurusan aset, jika perlu.
4.3.5(b)	Mengenal pasti sama ada Arahan Perbendaharaan dan peraturan-peraturan berkaitan Tatacara Pengurusan Aset Hidup Haiwan (TPH), Arahan Keselamatan Kerajaan dan peraturan dalaman (jika ada) dipatuhi;	Mengenal pasti sama ada Arahan Perbendaharaan dan peraturan-peraturan berkaitan Tatacara Pengurusan Aset Haiwan (TPH) , Arahan Keselamatan Kerajaan dan peraturan dalaman (jika ada) dipatuhi;
4.3.5(c)	Mendapatkan keterangan sama ada kehilangan berkenaan berpunca daripada kecuaiian pegawai, kegagalan mematuhi peraturan yang disengajakan, kegagalan penyeliaan atau tidak mempunyai pengetahuan dalam pengurusan aset hidup;	Mendapatkan keterangan sama ada kehilangan berkenaan berpunca daripada kecuaiian pegawai, kegagalan mematuhi peraturan yang disengajakan, kegagalan penyeliaan atau tidak mempunyai pengetahuan dalam pengurusan aset biologi ;
Jadual 2	PROSES KERJA 5 KEW.AH-27, Laporan Polis (jika ada) Tatacara Pengurusan Aset Hidup/ Arahan Keselamatan Kerajaan dan peraturan dalaman (jika ada).	PROSES KERJA 5 KEW.AH-27, Laporan Polis (jika ada) Tatacara Pengurusan Aset Biologi / Arahan Keselamatan Kerajaan dan peraturan dalaman (jika ada).
AM5.1 PENDAFTARAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
1	Tatacara Pengurusan Aset Hidup Tumbuhan ini adalah tatacara bagi menguruskan Tumbuhan Kerajaan meliputi Penerimaan, Pendaftaran, Penggunaan dan Penjagaan, Pemeriksaan, Pindahan, Pelupusan, Kehilangan dan Hapus Kira.	Tatacara Pengurusan Aset Tumbuhan ini adalah tatacara bagi menguruskan Tumbuhan Kerajaan meliputi Penerimaan, Pendaftaran, Penggunaan dan Penjagaan, Pemeriksaan, Pindahan, Pelupusan, Kehilangan dan Hapus Kira.
4	Istilah dan perkataan yang diguna pakai dalam Tatacara Pengurusan Aset Hidup Tumbuhan Kerajaan (TPT) hanyalah bagi maksud pengurusan aset Tumbuhan Kerajaan sahaja.	Istilah dan perkataan yang diguna pakai dalam Tatacara Pengurusan Aset Tumbuhan Kerajaan (TPT) hanyalah bagi maksud pengurusan aset Tumbuhan Kerajaan sahaja.

7	Akta-akta yang berkaitan dengan Aset Hidup Tumbuhan Akta dan peraturan berkaitan Aset Hidup Tumbuhan yang sedang berkuatkuasa adalah seperti berikut:	Akta-akta yang berkaitan dengan Aset Tumbuhan Akta dan peraturan berkaitan Aset Tumbuhan yang sedang berkuatkuasa adalah seperti berikut:
AM5.2 PENERIMAAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
3.3.5	Borang Penolakan Tumbuhan KEW.AT-2 (Lampiran B)	Pindaan pada borang KEW.AT-2 (Lampiran B)
AM5.7 PELUPUSAN TUMBUHAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
6	Perakuan Pelupusan Tumbuhan (PPT) KEW.AT-16 (Lampiran A)	Pindaan pada borang KEW.AT-16 (Lampiran A)
14.1.4	Tempoh sah laku tender adalah sembilan puluh (90) hari bagi tender tempatan dan satu ratus dua puluh hari bagi tender antarabangsa yang dikira daripada tarikh tender ditutup. Sekiranya pelanjutan tempoh sah laku tawaran tender diperlukan, pelanjutan hendaklah dibuat sebelum tarikh tempoh sah laku tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi atau Kuasa Melulus Pelupusan.	Tempoh sah laku tender adalah sembilan puluh (90) hari bagi tender tempatan dan satu ratus dua puluh hari bagi tender antarabangsa yang dikira daripada tarikh tender ditutup. Sekiranya pelanjutan tempoh sah laku tawaran tender diperlukan, pelanjutan hendaklah dibuat sebelum tarikh tempoh sah laku tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi.
14.2.4	Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Jika tempoh pelanjutan sah laku tawaran diperlukan, permohonan pelanjutan hendaklah dikemukakan sebelum tarikh tempoh sah laku tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan agensi berkenaan/ Kuasa Melulus Pelupusan.	Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Sebut harga hendaklah dipelawa semula jika: a) tempoh sah laku tawaran telah tamat atau keputusan tidak dibuat dalam tempoh sah laku tawaran; atau b) Surat Setuju Terima tidak dikeluarkan dalam tempoh tersebut.
17.1	Kaedah-kaedah lain pelupusan yang tidak dinyatakan di para 13 hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal tanpa mengambil kira nilai perolehan asal.	Kaedah-kaedah lain pelupusan yang tidak dinyatakan di perenggan 13 hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal tanpa mengambil kira nilai perolehan asal.
19	Laporan Pelupusan Tumbuhan KEW.AT-27 (Lampiran L)	Pindaan pada borang KEW.AT-27 (Lampiran L)

AM5.8 KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
4.3.4(b)	Mempunyai pengetahuan atau berkemahiran dalam pengurusan aset hidup atau pengurusan aset, jika perlu.	Mempunyai pengetahuan atau berkemahiran dalam pengurusan aset biologi atau pengurusan aset, jika perlu.
4.3.4(c)	Mengenal pasti sama ada Arahan Perbendaharaan dan peraturan-peraturan berkaitan Tatacara Pengurusan Aset Hidup Haiwan (TPH), Arahan Keselamatan Kerajaan dan peraturan dalaman (jika ada) dipatuhi;	Mengenal pasti sama ada Arahan Perbendaharaan dan peraturan-peraturan berkaitan Tatacara Pengurusan Aset Haiwan (TPH) , Arahan Keselamatan Kerajaan dan peraturan dalaman (jika ada) dipatuhi;
Jadual 2	PROSES KERJA 5 KEW.AT-28, Laporan Polis (jika ada) Tatacara Pengurusan Aset Hidup/ Arahan Keselamatan Kerajaan.	PROSES KERJA 5 KEW.AT-28, Laporan Polis (jika ada) Tatacara Pengurusan Aset Biologi / Arahan Keselamatan Kerajaan.
AM6.1 PENDAHULUAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
8.3.2	Mencatatkan penerimaan dan pengeluaran di Kad Petak;	Mencatatkan penerimaan dan pengeluaran di Kad Daftar Stok ;
AM6.6 PEMERIKSAAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
6.4	Laporan Verifikasi Stor KEW.PS-13 (Lampiran D)	Pindaan pada borang KEW.PS-13 (Lampiran D)
AM6.9 PELUPUSAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
11.1.4	Tempoh sah laku tender adalah sembilan puluh (90) hari bagi tender tempatan atau satu ratus dua puluh (120) hari bagi tender antarabangsa bermula dari tarikh tender ditutup. Sekiranya pelanjutan tempoh sah laku tawaran tender diperlukan, pelanjutan hendaklah dibuat sebelum tarikh tempoh sah laku tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi atau Kuasa Melulus Pelupusan.	Tempoh sah laku tender adalah sembilan puluh (90) hari bagi tender tempatan atau satu ratus dua puluh (120) hari bagi tender antarabangsa bermula dari tarikh tender ditutup. Sekiranya pelanjutan tempoh sah laku tawaran tender diperlukan, pelanjutan hendaklah dibuat sebelum tarikh tempoh sah laku tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi.
11.2.4	Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Jika tempoh pelanjutan sah laku tawaran diperlukan, permohonan pelanjutan hendaklah dikemukakan sebelum tarikh tempoh sah laku tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan agensi	Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Sebut harga hendaklah dipelawa semula jika: a) tempoh sah laku tawaran telah tamat atau keputusan tidak dibuat dalam tempoh sah laku tawaran; atau

	berkenaan/ Kuasa Melulus Pelupusan.	b) Surat Setuju Terima tidak dikeluarkan dalam tempoh tersebut.
18.1.2	Dari PTJ kepada pihak swasta berikutan projek penswastaan; dan	Dikeluarkan.
20	Kaedah-kaedah lain pelupusan yang tidak dinyatakan di para 10 hendaklah mendapat kelulusan Perbendaharaan Malaysia tanpa mengira nilai perolehan asal.	Kaedah-kaedah lain pelupusan yang tidak dinyatakan di perenggan 10 termasuk serahan kepada pihak swasta berikutan projek penswastaan hendaklah mendapat kelulusan Perbendaharaan Malaysia tanpa mengambil kira nilai perolehan asal.
AM7.5 PENYELENGGARAAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
4.4	Rekod Penyelenggaraan Aset Tak Ketara KEW.ATK-13 (Lampiran B)	Rekod Penyelenggaraan Aset Tak Ketara KEW.ATK-13 (Lampiran B)
6	Borang Laporan Penyelenggaraan Aset Tak Ketara KEW.ATK-14 (Lampiran C)	Pindaan pada borang KEW.ATK-14 (Lampiran C)
AM7.7 PELUPUSAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
5.1	Perakuan Penilaian Semula (PPS) KEW.ATK-17 (Lampiran A)	Pindaan pada borang KEW.ATK-17 (Lampiran A)
13.2	Tukar Aset/Perkhidmatan	Tukar Harta Intelek /Perkhidmatan
19	Kaedah-kaedah lain pelupusan yang tidak dinyatakan di para 13 termasuk serahan kepada pihak swasta berikutan projek penswastaan hendaklah mendapat kelulusan Perbendaharaan Malaysia tanpa mengambil kira nilai perolehan asal.	Kaedah-kaedah lain pelupusan yang tidak dinyatakan di perenggan 13 termasuk serahan kepada pihak swasta berikutan projek penswastaan hendaklah mendapat kelulusan Perbendaharaan Malaysia tanpa mengambil kira nilai perolehan asal.

PENAMBAHBAIKAN PEKELILING PERBENDAHARAAN, TATACARA PENGURUSAN ASET DAN STOR KERAJAAN (AM2 – AM7)

- **PENAMBAHBAIKAN BORANG PELUPUSAN, PEMAKAIAN BORANG BAGI PINDAAN KAEDAH PELUPUSAN DAN KEPUTUSAN KAEDAH PELUPUSAN SECARA TENDER/SEBUT HARGA**

AM2.7 TATACARA PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN: PELUPUSAN		
Perenggan	Sedia Ada	Pindaan
6	Borang Pelupusan Aset Alih Borang Pelupusan Aset Alih KEW.PA-21 (Lampiran C)	Borang Pelupusan Aset Alih KEW.PA-21 (Lampiran C) - Pindaan ke atas KEW.PA-21.
10.1	Permohonan untuk meminda kaedah pelupusan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus sebelum tamat tempoh kelulusan pelupusan. Kuasa Melulus hendaklah memberi kelulusan untuk tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kelulusan pinda kaedah kepada Kementerian atau Jabatan.	Permohonan untuk meminda kaedah pelupusan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus sebelum tamat tempoh kelulusan pelupusan dengan mengemukakan Borang Pindaan Kaedah Pelupusan Aset Alih KEW.PA-21(A) (Lampiran C1) . Kuasa Melulus hendaklah memberi kelulusan untuk tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kelulusan pinda kaedah kepada Kementerian atau Jabatan.
12.1.2	Dokumen Tender (a) Kenyataan Tawaran Tender Pelupusan Aset Alih KEW.PA-24 (Lampiran F); (b) Borang Tender Pelupusan Aset Alih KEW.PA-25 (Lampiran G); dan (c) Jadual Tender Pelupusan Aset Alih KEW.PA-26 (Lampiran H).	Dokumen Tender (a) Kenyataan Tawaran Tender Pelupusan Aset Alih KEW.PA-24 (Lampiran F); (b) Borang Tender Pelupusan Aset Alih KEW.PA-25 (Lampiran G); (c) Jadual Tender Pelupusan Aset Alih KEW.PA-26 (Lampiran H); dan (d) Borang Keputusan Tender Pelupusan Aset Alih KEW.PA-26(A) (Lampiran H1)
12.1.9(e)	Keputusan muktamad LPA hendaklah dipamerkan di papan kenyataan jabatan dengan menyatakan nama syarikat yang berjaya dan harga tawaran secepat mungkin selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan/ ditandatangani dan dikembalikan dan disiarkan di dalam laman web agensi masing-masing.	Keputusan muktamad LPA hendaklah dipamerkan di papan kenyataan/ laman sesawang jabatan dengan menggunakan borang Keputusan Tender Pelupusan Aset Alih KEW.PA-26(A) (Lampiran H1).
